

# Malaysia hantar usahawan ke Okinawa

BH  
- 27/1/2020  
mls: 2

## Ibadat & Fadilat

Daripada Abdullah Umar, berkata Nabi Muhammad SAW bersabda: "Percayalah, perbuatan berbakti yang paling besar adalah apabila seseorang itu menjaga hubungan baik dengan orang yang dikasihi ayahnya." (HR Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:17	1:34	4:55	7:27	8:40
Alor Setar	6:16	1:33	4:54	7:27	8:40
P. Pinang	6:15	1:33	4:55	7:29	8:41
Ipoh	6:20	1:31	4:53	7:28	8:40
Kuala Lumpur	6:17	1:29	4:50	7:27	8:39
Shah Alam	6:17	1:29	4:50	7:27	8:39
Johor Bahru	6:05	1:20	4:42	7:20	8:33
Kuantan	6:10	1:23	4:45	7:21	8:34
Seremban	6:13	1:27	4:49	7:26	8:38
Bandar Melaka	6:12	1:26	4:48	7:25	8:38
Kota Bharu	6:13	1:26	4:47	7:21	8:29
K. Terengganu	6:12	1:22	4:44	7:18	8:30
Kota Kinabalu	5:13	12:30	3:52	6:25	7:38
Kuching	5:40	12:55	4:17	6:55	8:08

## PM mahu orang kita belajar perusahaan berpotensi Jepun untuk tambah pendapatan

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

**Shah Alam:** Agensi kerajaan akan menghantar beberapa usahawan ke Okinawa, Jepun bagi mempelajari beberapa perusahaan di sana, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yakin beberapa perniagaan di negara itu boleh diusahakan usahawan Malaysia di negara ini, sekali gus membantu mereka membangunkan potensi dan pendapatan

masing-masing.

"Baru-baru ini, saya pergi ke Okinawa dan dapat mengenal pasti beberapa perusahaan yang boleh diusahakan di Malaysia.

"Saya ingin cari orang yang berminat dihantar ke Okinawa dan tempat lain di Jepun untuk belajar perniagaan di sana," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program Nak Ubah Hidup (NUH) 2020 di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC) di sini, semalam yang turut dihadiri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun.

Dr Mahathir turut berkongsi pengalamannya melawat kilang kaca di Okinawa dan terpesona dengan produk dihasil yang disifatkannya sebagai sangat cantik.

"Mereka suruh saya buat (barang kaca di kilang itu). Mana boleh saya nak buat, saya tidak

pernah buat kerja itu, tetapi percayalah, dalam jangka masa 15 minit, saya dapat buat gelas berwarna merah yang walaupun tidaklah terbaik, tetapi boleh digunakan.

"Kita boleh belajar jika mahu, kita ada kebolehan, tetapi jika tak ada usaha, kita tidak akan dapat guna kebolehan kita," katanya sambil menegaskan, mahu melihat lebih ramai penduduk luar bandar menceburi dan berjaya dalam perniagaan bagi mengurangkan jurang kekayaan dengan peniaga di bandar.

"Orang di bandar biasanya kaya dan di luar bandar, biasanya miskin. Bagaimanapun, jika belajar macam mana nak berniaga, kita juga akan dapat pendapatan yang sama, bahkan mungkin lebih daripada di bandar.

"Kita harus ingat, rezeki datang daripada perniagaan. Jika nak makan gaji, setakat itu sajalah, tetapi jika berniaga, boleh jadi jutawan," katanya.



Baru-baru ini, saya pergi ke Okinawa dan dapat mengenal pasti beberapa perusahaan yang boleh diusahakan kita di Malaysia. Saya ingin cari orang yang berminat dihantar ke Okinawa dan tempat lain di Jepun untuk belajar perniagaan di sana.

Dr Mahathir Mohamad,  
Perdana Menteri